

Kod Etika Hakim dikemukakan awal tahun depan

20 DEC 2007

JELEBU, Rabu – Kod Etika Hakim (KEH) yang dikemas Knf sebagai alat berkesan menangani masalah disiplin dalam badan kehakiman dijangka siap tidak lama lagi dan akan dikemukakan kepada kerajaan awal tahun depan untuk dipertimbangkan sebelum dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah sudah mengemukakan cadangan pin-daan berkenaan kepada pihaknya kira-kira sebulan setengah lalu.

“Cadangan itu belum diperhalusi oleh peringkat tertentu kerana, usaha, mendapatkan lagi pandangan berkaitan belum selesai.

“Apabila siap ia akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, Kabinet sudah memutuskan proses ini diambil Kra sebelum diumumkan awal tahun depan,” katanya.

Beliau diminta mengulas perkembangan cadangan kerajaan untuk mengemas Kni KEH setakat ini, ketika ditemui di Rumah Terbuka Aidilfitri di Dewan Mailis Daerah Jelebu, di sini petang semalam.

Baru-baru ini, Rais mengumumkan kerajaan sudah meminta Ketua Hakim Negara ‘membuat kajian dan cadangan untuk mengemaskini kod berkenaan selaras dengan hasrat kerajaan melihat badan kehakiman ne ara ini lebih bertanggungjawab, tidak melanggar kesopanan atau peraturan lazim selain menjalankan tugas dengan jelas.

Cadangan mengemaskini KH itu adalah berikutan antara masalah besar yang di-

bangkitkan. oleh pelbagai pihak sejak kebelakangan ini berhubung kelewatan hakim menyediakan penghakiman bertulis.

Selain itu, ada beberapa kes di niana penghakiman tidak lengkap mengikut tempoh yang ditentukan dan dalam hal ini kod berkenaan perlu dikemas kini untuk memuatkan kejiendak berkenaan.

Rais berkata, tempoh berada lama dinerlukan seseorang hakim untuk menyiapkan penghakiman tidak ditentukan dalam kod berkenaan dan perkara itu diditi oleh Ketua Hakim Negara selepas berbincang.

“Daripada segi pentadbiran, kita mahu fahu apa yang hakim boleh atau tidak boleh lakukan. Walaupun kita tidak mahu dilihat seolah-olah campur tangan dalam urusan mereka, prestasi hakim adalah menjadi perhatian awam.

“Oleh itu, mereka tidak boleh berselindung dalam kongkongan kehakiman kerana orang ramai ada hak mengetahui apa yang dilakukan mereka,” katanya.

Beliau berkata, penduduk Kni semakin berminat, jika tidak pun kritikal mengenai semua aspek perkhidmatan awam dan tugas mereka.

Berikutan itu, hakim perlu memantapkan idea menerusi tanggungjawab bersama dengan menjaga kewibawaan mereka selain menjauhkan diri daripada politik.

Rais juga pernah menyatakan, kerajaan mungkin memasukkan peruntukan dan cadangan KEH yang dikemaskini itu dalam Akta Kehakiman untuk dijadikan sebahagian daripada undang-undang.